

9

KAJIAN TINDAKAN: KEBERKESANAN *MNEMONICS*

Ardi Sujak, Farhanah Suratman, Nasreen Haji Shahabuddin & Rashidah Rajah
Sekolah Rendah Xinghua

ABSTRAK

Murid sering kurang memahami untuk menjawab soalan komponen lisan dalam peperiksaan. Oleh itu, guru telah menjalankan satu kajian tentang keberkesanan *mnemonics* dalam merangsang proses pemikiran murid dan menjadikan mereka lebih cekap bertutur. *Mnemonics* ialah pendekatan yang digunakan untuk membantu proses mengingati maklumat. Guru telah mencipta ikon *mnemonics*, Encik LIL TAP PUN untuk merangsang pembelajaran murid. Bukan itu sahaja, sebuah papan permainan yang dicipta khas juga telah digunakan supaya murid dapat menerapkan konsep yang telah dipelajari. Dalam sesi permainan ini, alat perakam suara digunakan untuk merakam aktiviti pelajar dalam bacaan lantang, perbualan berdasarkan gambar atau perbualan tentang sebuah tajuk. Setiap rakaman suara kemudian akan dinilai dengan menggunakan senarai semak dan rubrik penilaian yang dibina berdasarkan konsep *mnemonics* yang telah diajarkan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa 100% murid yang terlibat dalam kumpulan uji kaji ini menunjukkan peningkatan dalam markah ujian lisan mereka. Hal ini jelas membuktikan keberkesanan pendekatan yang diambil.

Pengenalan

Berdasarkan saranan Kementerian Pendidikan untuk memberikan fokus terhadap kemahiran bertutur dalam pengajaran Bahasa Melayu, satu kajian telah dijalankan untuk meningkatkan prestasi murid dalam ujian lisan. Dalam peperiksaan lisan Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE), murid dikehendaki menduduki tiga bahagian, iaitu bacaan lantang, penerangan berdasarkan gambar dan perbualan berkaitan gambar. Murid dinilai dari segi kelantangan suara, kelancaran pertuturan, kreativiti penjanaan idea serta penggunaan kosa kata yang luas. Berpandukan kriteria ini, guru telah

mengenal pasti ciri yang penting dan mencipta satu formula sebagai panduan untuk digunakan oleh murid dalam ujian lisan.

Tujuan Kajian

Objektif kajian adalah untuk:

- a) merangsang minat murid dengan pemainan yang disediakan;
- b) mengukur keupayaan diri dengan menggunakan rubrik mudah; dan
- c) menyediakan struktur yang spesifik untuk merangsang daya pemikiran.

Permasalahan

Berdasarkan tinjauan keputusan peperiksaan pertengahan tahun 2010, guru mendapati bahawa murid kurang memahami cara untuk menjawab komponen lisan. Antara punca yang dikenal pasti ialah murid kurang yakin meluahkan pendapat, kurang daya kreativiti untuk mengolah pandangan dan kosa kata murid juga terhad. Tambahan pula, murid kurang sedar tentang cara menilai kemampuan diri. Faktor ini menyebabkan murid mendapat markah yang kurang cemerlang. Keputusan pertengahan tahun 2010 menunjukkan bahawa markah purata murid adalah dalam lingkungan 28 – 36 markah.

Penjelasan istilah

Mnemonics ialah pendekatan yang digunakan untuk membantu proses mengingati maklumat. Menurut Kamus Dwibahasa (2001), istilah ini merujuk tujuan untuk membantu peringatan. Pendekatan ini juga merupakan satu kaedah menjana informasi baharu daripada informasi sedia ada untuk menjadikan pembelajaran lebih bermakna bagi murid. Proses *mnemonics* ini membolehkan murid membina imej mental yang berfungsi untuk merangsang pemikiran dan menjana idea. Dalam penggunaan konsep *mnemonics* ini, tiga kaedah utama yang sering digunakan ialah kaedah kata kunci, kata berima dan strategi berhuruf.

Kajian Lepas

Menurut Scruggs & Mastropieri (1998) dalam buku, '*Teaching Students Ways to Remember: Strategies for Learning Mnemonically*', *mnemonics* ialah strategi yang menggunakan kata kunci yang dikaitkan dengan sebuah gambaran untuk membantu pembelajaran. Strategi ini terbukti berkesan terutama sekali untuk

mengenalkan perkara baharu yang diajar. Penyusunan abjad yang menarik untuk menjadikan satu frasa yang membawa makna serta gambaran khusus kepada murid juga merupakan satu kaedah *mnemonics* yang membantu proses mengingati maklumat.

Mnemonics juga merupakan satu strategi yang menyediakan panduan secara lisan atau visual kepada murid yang kurang berupaya untuk menyimpan fakta. Strategi ini merangsang pembelajaran murid dengan membina pengetahuan dan pengalaman sedia ada mereka.

Menurut Swansons dan Forness (1999) serta Kavale, Blum dan Lyord (1997), strategi *mnemonics* telah banyak membantu murid mengecap kejayaan dalam bidang akademik.

Mnemonics juga pernah digunakan sebagai struktur untuk pembelajaran bahasa asing di sebuah kolej antarabangsa di Atkinson. Kaedah ini digunakan di dalam bilik darjah untuk mendidik kanak-kanak di peringkat rendah dan juga membantu murid yang mempunyai masalah pembelajaran. Murid yang didedahkan kepada strategi ini telah berkali-kali mencapai keputusan yang lebih cemerlang berbanding dengan murid yang lain.

Kaedah Kajian

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 16 orang murid Darjah 6 kursus Bahasa Melayu yang memperoleh julat markah antara 26 hingga 36 markah. Kesemua murid dalam kajian ini menepati kriteria lain seperti latar belakang ekonomi keluarga yang sederhana, bertutur dalam bahasa Melayu di rumah dan tidak menghadiri sebarang kelas bimbingan Bahasa Melayu di luar waktu sekolah.

Instrumen Kajian

Guru telah mencipta ikon *mnemonics* LIL TAP PUN yang bertujuan untuk memberikan garis pandu kepada murid sewaktu menjalani ujian lisan. Murid telah dimaklumkan bahawa setiap abjad berfungsi sebagai pendorong yang merangsang pemikiran mereka untuk menjana idea sewaktu bertutur.

Representasi akronim adalah seperti yang berikut:

- (a) Bahagian Bacaan Lantang: LIL – Lantang, Intonasi dan Lancar
- (b) Bahagian Penerangan Gambar: TAP - Terangkan, buat Andaian beri Pendapat
- (c) Bahagian Perbualan: PUN – Pengalaman, Undang-undang dan Nilai

Selain itu, sebuah papan permainan juga telah dicipta khas untuk memberi murid peluang mempraktikkan perkara yang dipelajari secara santai dan seronok melalui aktiviti permainan. Proses yang dijalankan ini selari dengan pembelajaran *Social and Emotional Learning* (SEL) yang menerangkan bahawa tahap perkembangan diri seseorang murid itu bermula daripada kesedaran diri (*self-awareness*) dan beralih kepada pengurusan diri (*self-management*).

Rubrik mudah yang memaparkan konsep LIL TAP PUN juga digunakan sebagai kriteria untuk murid mengukur kelakonan masing-masing.

Prosedur Kajian

Satu langkah praintervensi telah dijalankan terlebih dahulu. Kesemua 16 orang murid telah menduduki praujian untuk menguji kemampuan mereka dalam ketiga-tiga bahagian. Kemudian, mereka dibahagikan kepada dua kumpulan; lapan orang murid mewakili kumpulan uji kaji dan yang selebihnya mewakili kumpulan terkawal.

Murid daripada kumpulan uji kaji kemudian didedahkan kepada kaedah *mnemonics* selama satu jam setiap sesi. Dalam sesi ini, murid diperkenalkan kepada kaedah *mnemonics* dan konsep LIL TAP PUN. Kemudian, sebuah papan permainan yang dicipta khas telah digunakan sebagai wadah untuk murid mengaplikasikan konsep yang dipelajari. Dalam permainan ini juga, murid diajar cara menilai pembacaan dan pertuturan rakan mereka dengan menggunakan rubrik mudah yang menerapkan konsep LIL TAP PUN. Bacaan dan pertuturan murid dirakamkan dengan menggunakan alat perakam suara supaya murid yang ditugaskan untuk menilai bacaan atau perbualan kawan mereka dapat mendengar berulang kali sewaktu aktiviti penilaian. Aktiviti yang dijalankan juga membolehkan pembelajaran kolaboratif (*collaborative learning*) dan menggalakkan penilaian rakan sebaya (*peer evaluation*) dilakukan di dalam kelas.

Dapatan Kajian

Secara keseluruhan, terdapat peningkatan secara purata daripada 31.5 markah sewaktu praujian kepada 38.6 markah sewaktu pascaujian. Namun, markah purata bagi kumpulan terkawal tidak banyak berbeza, iaitu dalam lingkungan 31 markah hingga 31.7 markah.

Contohan pencapaian murid adalah seperti yang berikut:

No	Kumpulan Uji Kaji	Pra	Pasca		No	Kumpulan Terkawal	Pra	Pasca	
1	A	28	34		1	A	28	28	
2	B	28	33		2	B	27	28	
3	C	30	38		3	C	30	32	
4	D	31	38		4	D	30	31	
5	E	32	39		5	E	33	32	
6	F	34	41		6	F	32	33	
7	G	34	42		7	G	33	34	
8	H	36	44		8	H	35	36	
		Markah purata	31.5	38.6			Markah purata	31	31.7

Borang maklum balas juga telah diberikan kepada murid untuk mengukur keberkesanan kajian yang dijalankan.

Rumusan tinjauan murid:

No	Item	Ya (%)	Tidak (%)
1	Saya boleh bertutur dengan lebih lancar bagi bahagian penerangan gambar.	100	0
2	Saya boleh bertutur dengan lebih lancar bagi bahagian perbualan tajuk.	80	20
3	Sesi pemulihan yang saya hadiri berkesan	100	0
4	Sesi pemulihan yang saya hadiri menarik.	100	0
5	Saya akan gunakan konsep LIL TAP PUN dalam ujian lisan.	100	0

Berdasarkan tinjauan yang dijalankan, semua murid bersetuju bahawa konsep LIL TAP PUN yang diperkenalkan berkesan. Konsep ini telah merangsang pemikiran mereka dan membuat mereka lebih lancar bertutur

terutama dalam bahagian penerangan gambar. Mereka juga tertarik dengan papan permainan yang disediakan, lantas menjadikan pengajaran dan pembelajaran dalam kumpulan uji kaji lebih menarik dan tidak membosankan. Akhir sekali, murid yang terlibat berasa lebih yakin untuk menghadapi peperiksaan lisan dan akan menggunakan strategi LIL TAP PUN dalam ujian lisan mereka.

Kesimpulan

Kajian yang telah dijalankan membuktikan bahawa pendekatan *mnemonics* ini sungguh berkesan untuk meningkatkan pemahaman dan prestasi murid. Melalui kaedah ini, murid dapat mengaitkan *mnemonics* yang diberikan untuk diaplikasikan ke dalam latihan mahupun ujian lisan mereka.

Sewaktu menjalankan kajian ini, guru menghadapi beberapa cabaran. Antaranya termasuklah guru menghadapi kesukaran untuk menyediakan teks, gambar dan tajuk perbualan yang hampir sama tahap kepayahannya untuk digunakan dalam kumpulan uji kaji yang telah dijalankan. Bukan itu sahaja, keterbatasan waktu mengakibatkan guru tiada masa untuk menyiapkan lebih daripada satu papan permainan.

Pengajaran konsep *mnemonics* ini juga telah digunakan oleh kesemua murid Darjah 6 tahun lalu dan keputusan peperiksaan akhir tahun lalu menunjukkan bahawa 88% daripada keseluruhan kumpulan yang menduduki ujian telah mendapat lebih daripada 38 markah dan 40% mendapat lebih daripada 41 markah. Program ini mempunyai potensi untuk dikembangkan. Dalam kajian ini juga, guru memainkan peranan sebagai fasilitator untuk memberikan peluang kepada murid membuat kesimpulan mereka sendiri. Hal ini juga sejajar dengan inisiatif *Teach Less, Learn More* (TLLM) yang memberikan tumpuan pada pembelajaran berpusatkan pelajar. Dengan pemantauan yang teliti, pendekatan *mnemonics* terbukti berkesan dan akan terus digunakan untuk menyiapkan murid untuk mempersiapkan diri mereka untuk menghadapi peperiksaan lisan.

Rujukan

Carol A. Turkington. (2002). *Memory: A Self-Teaching Guide*. New Jersey: John Wiley & Sons Inc.

Fiona McPherson. (2010). *Mnemonics for Study*. Wellington: Wayz Press.

J.S. Venit. (2008). *Mnemonics Devices*. New York: Xlibris Corporation.

James B. Worthen & R. Reed Hunt. (2010). *Mnemonology: Mnemonics for the 21st Century (Essays in Cognitive Psychology)*. New York: Psychology Press.

Tony Buzan. (1991). *Use Your Perfect Memory: Dramatic New Techniques for Improving Your Memory; Third Edition (Plume)*. New York: Penguin Group.

<http://www.mindtools.com/memory.html>.

http://www.k8accesscenter.org/training_resources/Mnemonics.asp.

Nota
